

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan penilaian serta pentafsiran hasil kajian yang diperolehi bagi menguji hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk. Perbincangan keputusan kajian akan dikaitkan dengan pernyataan masalah, pendekatan teori dan dapatan kajian-kajian lepas yang ada perkaitan. Kesimpulan, implikasi dan cadangan akan dikemukakan oleh pengkaji. Secara keseluruhannya, perbincangan dan penulisan bab ini berkait rapat dengan hipotesis yang telah dikemukakan. Diharap kajian ini dapat membantu ibu bapa dan guru dalam mengenali faktor yang mempengaruhi konsep sendiri anak.

#### 5.2 Perbincangan

Terdapat perkaitan secara langsung di antara status sosio-ekonomi dengan konsep sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan tiada perkaitan di antara sosio-ekonomi dengan konsep sendiri. Status sosio-ekonomi yang dikaji adalah berstatus rendah, sederhana dan tinggi.

Ini jelas menunjukkan kepada kita, status sosio-ekonomi sama ada tinggi, rendah atau sederhana tidak menunjukkan perkaitan dengan konsep sendiri anak. Paling utama adalah bagaimana ibu bapa memperuntukan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak. Sekiranya ibu bapa tanpa mengira pendapatan menunjukkan sikap positif dan menerima

dengan mendidik sudah tentu pembentukan konsep sendiri anak terbentuk dengan baik. Selari dengan peribahasa Melayu bagaimana acuan begitulah kuihnya.

Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan hasil kajian Cooper, Holman dan Brathwate (1983), Amato dan Ochiltree (1986) dan Fu (1979), jelas menunjukkan pembentukan sendiri anak tiada kaitan dengan sosio-ekonomi keluarga. Sungguhpun begitu, hubungan yang ditunjukkan adalah berbentuk negatif. Ini membawa maksud, semakin tinggi status sosio ekonomi, semakin rendah konsep sendiri anak.

Jika dilihat taburan pendapatan ibu bapa, 16.7% adalah yang berpendapatan RM 1001.00 ke atas, 40.3% berpendapatan RM 501.00 ke RM 1000.00 dan 42.4% yang berpendapatan RM 500.00 ke bawah. Ini bermakna ramai ibu bapa yang berpendapatan rendah telah cuba mencari pendapatan tambahan untuk memenuhi keperluan keluarga. Akibatnya ramai penjaga mencari pendapatan lebih dengan cara membuat kerja sampingan seperti berniaga, pembawa teksi, pengawal keselamatan, petani dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan masa mereka dengan anak-anak terabai. Adawiyah (1982) menjelaskan apabila ibu bapa sibuk memburu pendapatan yang lebih, anak-anak akan terabai dan tidak mendapat kasih sayang dan bimbingan yang sempurna.

Berdasarkan penghuraian di atas jelas menunjukkan kepada kita, pendapatan ibu bapa tidak mempunyai perkaitan akan tetapi sekiranya ibu bapa sibuk dan kurang bersama dengan anak, sudah tentu konsep sendiri anak menjadi negatif.

**Terdapat perkaitan langsung di antara keruntuhan keluarga dengan konsep sendiri.**

Keruntuhan keluarga yang diukur sama ada ibu bapa masih bersama , meninggal dunia dan ibu bapa bercerai didapati tidak menunjukkan perkaitan dengan konsep sendiri anak.

Wujud situasi sedemikian kerana ramai responden yang masih tinggal bersama dengan ibu bapa (68.7%). Oleh itu, ujian secara analisis regresi tidak dapat menunjukkan dengan jelas perkaitan di antara perpecahan keluarga dengan konsep sendiri.

Walaupun begitu, Wan Halim (1983) menyatakan perpecahan dalam struktur keluarga tidak semestinya akan menjejaskan kesetabilan dalam keluarga jika nilai dan sikap masih diutamakan. Contohnya, seseorang anak yang kehilangan ibu dan ayah kerana meninggal dunia, ia akan lebih berdikari dan menjadi lebih yakin, jika sejak dari awal lagi tidak dididik dengan nilai dan sikap negatif. Di mana kematian ayah atau pun ibu hanya dianggap sebagai satu cabaran untuk meningkatkan persaingan dengan orang lain.

Kadangkala keluarga yang terpisah atau berpisah akan dapat membawa keharmonian dan kebaikan kepada ahli-ahli keluarga. Di mana mereka akan menjadi bertambah rapat dan berfungsi dengan lebih baik. Weiss (1983) menjelaskan keluarga yang terpisah mempunyai tahap kematangan yang tinggi dengan adanya tugas-tugas di rumah. Keadaan ini akan berlaku jika sejak kecil anak-anak telah dilatih dan dididik supaya hidup berdikari serta mempunyai konsep sendiri yang tinggi.

Terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu bapa anak dengan konsep sendiri.

Hasil kajian telah menunjukkan terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu bapa - anak dengan konsep sendiri. Ketiga-tiga perkaitan yang ditunjukkan komunikasi ibu bapa lebih menunjukkan perkaitan, diikuti komunikasi ibu dan bapa.

Bapa sepatutnya berperanan dalam mewujudkan persekitaran yang membina konsep sendiri yang positif. Di mana, ibu bapa adalah "role model" kepada anak-anak. Sekiranya ibu bapa menunjukkan komunikasi yang terbuka, tidak melabel, meleter, menghukum dan mendengar pendapat anak sudah tentu anak akan menghargai dirinya. Apabila anak-anak merasai dirinya dihargai, diterima dan rasa dipunyai sejak dari kecil,

konsep sendiri yang terbentuk sama ada pandangannya terhadap fizikal peribadi, keluarga adalah positif. Ini akan menyumbang kepada konsep sendiri yang tinggi.

Demo et. al. (1987), Offer et. al. (1982), Petterson (1974) dan banyak pengkaji lain mendapati komunikasi mempunyai kaitan langsung dengan pembentukan konsep sendiri. Komunikasi yang tidak berfungsi akan menghasilkan konsep sendiri yang rendah. Manakala ibu bapa juga haruslah menunjukkan komunikasi dua hala dan kerap mendengar pendapat dan luahan perasaan anak-anak mereka. Contohnya, jika anak bercakap, ibu bapa tidak seterusnya menolak, memarahi atau tidak mengendahkan apa yang ingin dicakapkan oleh anak. Sebaliknya, anak pula apabila mendapati ibu bapa sedang bercakap, mereka perlu mendengar atau terus pergi meninggalkan ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa secara agresif, mengambil berat dan banyak berinteraksi dengan anak akan dapat meningkatkan konsep sendiri anak-anak mereka. Menurut Mat Saat (1986) menyatakan perkembangan emosi dan tingkah laku anak akan positif jika penglibatan diri, dengan banyak melakukan aktiviti bersama. Apabila aktiviti anak dan keluarga banyak, maka semakin banyak interaksi dapat dilakukan.

**Terdapat perbezaan yang signifikan di antara konsep sendiri pelajar berumur sekitar 10 - 11 tahun dengan pelajar berumur 12 - 13 tahun.**

Seterusnya, berdasarkan hasil kajian melalui ujian Anova terdapat perbezaan antara konsep sendiri pelajar yang berbeza umur. Situasi ini lahir kerana kanak-kanak berumur 10 tahun dan kanak-kanak berumur 12 tahun adalah dalam lingkungan yang berbeza. Allpert (1955) menyatakan kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun sudah mula membentuk rasional sendiri. Kebanyakan mereka sudah pandai memberi alasan, sebab musabab dengan logik terhadap sebarang masalah yang dihadapi. Hasilnya, mereka sudah mula membentuk suatu proses yang disebut "propriate striving" sebagai langkah untuk meninggalkan alam kanak-kanak ke alam remaja. Walaupun mereka bersama-sama dalam proses menuju ke alam remaja, pelajar yang berusia 10 tahun masih mentah, rapuh dan

memerlukan banyak masa serta bimbingan yang jitu daripada ibu bapa dan ahli keluarga terdekat yang lain. Keadaan ini agak berbeza dengan pelajar yang berusia 12 - 13 tahun, mereka agak lebih matang lagi dan telah bersedia untuk meninggalkan alam kanak-kanak.

Oleh itu, terdapat perbezaan konsep sendiri di antara pelajar berusia 10 - 12 tahun dengan pelajar berusia 12 - 13 tahun. Persamaan yang wujud masing-masing sedang bersiap sedia untuk melangkah ke alam remaja. Sungguh pun begitu, ibu bapa harus sedar zaman kanak-kanak adalah zaman kritikal bagi pembentukan sahsiah dan personalitinya. Pengalaman bersama, orang yang berkepentingan seperti ibu bapa, sanak saudara, guru dan rakan sebaya akan mempengaruhi pembentukan konsep sendiri.

**Terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep sendiri lelaki dan perempuan.**

Kajian ini juga melihat perbezaan konsep sendiri lelaki dan perempuan. Berdasarkan ujian Anova, pengkaji mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara jantina.

Kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan konsep sendiri di antara pelajar lelaki dan perempuan. Walaupun pelajar perempuan cepat akil baligh dengan pelajar lelaki. Ibu bapa telah memberi layanan yang sama ke atas anak-anak mereka tanpa mengira jantina. Dasar tiada diskriminasi yang di praktikkan oleh ibu bapa semasa melayan dan mendidik anak-anak mereka menyebabkan konsep sendiri anak lelaki dan anak perempuan tidak terdapat perbezaan.

Cara pergaulan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan berbeza, tetapi ianya tidak mempengaruhi konsep sendiri mereka. Pelajar perempuan lebih suka menghabiskan masa di rumah bersama ibu bapa mereka. Berbanding dengan pelajar lelaki yang lebih suka menggunakan banyak masa bersama-sama dengan rakan sebaya di luar rumah. Walaupun begitu ianya tidak mempengaruhi konsep sendiri pelajar lelaki kerana mereka telah mendapat pendidikan asas agama yang kukuh daripada ibu bapa mereka. Kedudukan sosio-

ekonomi dan tempat tinggal yang sama juga menyebabkan konsep sendiri pelajar lelaki dan perempuan tidak berbeza. Ini disebabkan oleh konsep sendiri mereka akan terbentuk dan berkembang berpandukan perjalanan dan pengalaman di dalam persekitaran yang diduduki.

### 5.3 Kesimpulan

Persekitaran keluarga yang dibentuk oleh ibu bapa adalah faktor utama dalam menentukan pencarian dan pembentukan konsep sendiri anak. Peranan penting ini berkehendakan ibu bapa mengubah sikap dan mempergiatkan usaha membantu dan membimbing anak-anak. Lebih-lebih lagi majoriti ibu bapa di sini mempunyai sosio-ekonomi yang rendah. Kesanggupan untuk berkorban bagi menjamin masa hadapan anak-anak merupakan satu aset yang tidak ternilai demi untuk mencipta kejayaan anak-anak mereka. Langkah tersebut dianggap bijak dan bukan merugikan. Apabila konsep sendiri anak positif, mereka akan yakin pada dirinya dan dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran.

Kajian ini memberikan maklumat kepada ibu bapa tentang faktor-faktor penting dalam pembentukan konsep sendiri anak.

### 5.4 Implikasi

Setelah membincangkan dan mengupas hasil dapatan secara satu persatu berdasarkan lima hipotesis tersebut, pengkaji hendak melihat implikasi kajian ke atas ilmu pengetahuan secara praktis. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui konsep sendiri di kalangan pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan Batang Berjuntai.

Kajian ini mengesahkan teori konsep sendiri oleh Rogers. Menurut Rogers (1951), perkembangan pengalaman seseorang individu akan membantu membentuk konsep sendiri. Kanak-kanak memerlukan bantuan ibu bapa dalam memelihara dan meninggikan potensi

yang terpendam di dalam diri mereka. Komunikasi secara positif akan memberi satu nilai perubahan tingkah laku dan akan membentuk keyakinan ke atas persepsi tersebut.

Ibu bapa patut peka kepada perkembangan anak-anak. Cara untuk membolehkan anak-anak rapat dengan ibu bapa adalah dengan cara meluangkan banyak masa untuk melakukan aktiviti bersama-sama. Di antara aktiviti bersama yang boleh dilakukan termasuklah bermain, membaca, memancing, berkemah, ekspedisi, menonton televisyen bersama-sama dan lain-lain. Melalui aktiviti ini secara tidak langsung akan mengeratkan lagi hubungan ibu bapa dengan anak-anak. Apabila hubungan menjadi rapat, proses peningkatan konsep sendiri anak akan terbentuk dalam suasana yang positif dan membina.

Hasil kajian juga menunjukkan tiada perkaitan langsung di antara status sosio ekonomi dengan konsep sendiri. Perkara yang amat penting ialah sejauh mana ibu bapa dapat mempraktikkan kemahiran ke ibu bapaan dalam mendidik anak-anak.

Jika anak-anak ditunjukkan contoh atau model, ibu bapa merupakan model yang terbaik. Mengikut teori pembelajaran sosial, anak-anak akan banyak meniru apa yang dipelajari dipersekitarannya. Justru itu, peranan ibu bapa sangat penting sebagai "role model" kepada anak. Ibu bapa harus mempelajari dan mengetahui serba sedikit tentang perkembangan seseorang anak. Di mana terdapat perbezaan dari aspek perasaan, emosi dan fikiran berdasarkan jantina, umur dan tahap perkembangan mereka. Semua ini memerlukan kepekaan dan kesabaran ibu bapa dalam melayan karenah anak-anak.

## **5.5 Cadangan**

Berdasarkan dapatan yang telah dibincangkan dan dibuktikan, pengkaji hendak membuat beberapa cadangan supaya kajian ini mampu mencakupi lebih banyak lagi persoalan berkaitan dengan pembentukan konsep sendiri. Ini akan dapat menolong ibu bapa, pentadbir sekolah, guru kelas, konselor dan mereka yang terlibat dengan

pembangunan insan dan rohani kanak-kanak dan remaja mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan konsep sendiri.

Kajian ini dilakukan di kawasan luar bandar iaitu di sekitar Mukim Batang Berjuntai, Selangor. Cadangan yang pertama ialah agar kajian akan datang dilakukan di kawasan luar bandar yang lain.

Kedua, kajian ini telah melibatkan empat buah sekolah sahaja. Di mana hasil kajian ini tidak sesuai untuk mewakili keseluruhan populasi pelajar di Malaysia. Oleh itu diharapkan agar kajian akan datang mengambil kira faktor skala yang lebih meluas lagi.

Kajian ini hanya dilakukan di kawasan luar bandar. Oleh itu, maklumat yang diperolehi hanya boleh mewakili populasi luar bandar sahaja. Justru itu, dicadangkan agar satu kajian yang sama tetapi melibatkan populasi bandar pula dijalankan. Ini membolehkan penyelidik melihat perbezaan dan perbandingan bagi kedua-dua dapatan kajian.

Adalah dicadangkan supaya kajian akan datang menumpukan kepada pelajar di peringkat sekolah menengah. Ini kerana konsep sendiri mereka lebih banyak dipengaruhi oleh faktor diri sendiri. Di mana mereka rata-rata membuat keputusan berdasarkan apa yang difikirkan betul oleh mereka. Di samping itu, pengkaji boleh membuat perbandingan konsep sendiri pelajar sekolah rendah dan menengah yang berlainan lokasi.

Akhirnya, pengkaji akan datang dicadangkan mengkaji pembolehubah lain yang dijangkakan boleh mempengaruhi pembentukan kanak-kanak dengan mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan ahli keluarga, bilangan adik beradik, keakraban dan sokongan jitu ibu bapa dan taraf pendidikan ibu bapa.